



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MUZIUM NEGARA MEMARTABATKAN KONSEP “REWANG WARISAN” SEMPERNA SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA

KUALA LUMPUR, 14 Februari – Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Negara dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hari ini telah menganjurkan **Program Harmoni@Muzium sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2026** bertempat di **Dataran Muzium Negara**. Program ini merupakan satu bentuk manifestasi kolaboratif strategik antara komuniti, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat yang bermatlamat untuk meraikan kepelbagaian citra budaya Malaysia dalam suasana yang penuh harmoni.

Penganjuran pada tahun ini menumpukan pelestarian tradisi menerusi aktiviti ‘Rewang Warisan’ serta penyediaan hidangan simbolik seperti Yee Sang dan Tang Yuan. Meskipun istilah ‘Rewang’ sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu, konsep gotong-royong ini diangkat sebagai nilai sejagat untuk menghidupkan kembali semangat kerjasama komuniti dalam arus pemodenan. Selain itu, program ini turut mengetengahkan keunikan asimilasi budaya melalui penyediaan Tang Yuan yang mempunyai persamaan sejarah dengan manisan tempatan iaitu Onde-Onde Melaka.

Dengan mengangkat tradisi menggaul Yee Sang yang telah diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan (Warisan Tidak Ketara), Muzium Negara mempromosikan identiti negara yang unik kepada pelancong domestik mahupun antarabangsa. Usaha pendokumentasian budaya hidup (*living heritage*) ini secara tidak langsung memperkukuh peranan JMM sebagai jambatan yang menghubungkan sejarah masa lalu dengan masyarakat masa kini.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara diiringi oleh Ketua-Ketua Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Selain sesi penyediaan makanan tradisional, para hadirin dan pengunjung turut disajikan dengan persembahan Tarian Singa serta edaran limau mandarin, yee sang dan tang yuan sebagai simbol kemakmuran.

Program ini mensasarkan sebanyak 200 orang pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya wakil daripada Kumpulan Rukun Tetangga (KRT) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tabika Perpaduan, dan Sukarelawan Muzium. Melalui penglibatan aktif semua pihak, JMM berharap agar semangat perpaduan dan kefahaman terhadap kepelbagaian budaya ini terus segar dalam kalangan rakyat Malaysia

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
4 Februari 2026
JMM.100-9/1/7 (28)